



George Town, Pulau Pinang

George Town ialah bandar utama di Pulau Pinang, destinasi pelancongan popular dengan populasi masyarakat Cina terbesar di Malaysia. Berdasarkan fakta sejarah, Pulau Pinang atau Penang ialah pusat perniagaan penting orang British apabila George Town mendapat namanya bersempena Raja Britain, George III, sekaligus membuktikan campur tangan Eropah dan orang Asia mempengaruhi sejarah kemasyuran Pulau Pinang.

Zaman lampau berbilang budaya di George Town menampilkan seni bina

bangunan bersejarah yang mempesona, sebahagian besarnya terletak di daerah tertua bandar berkenaan. Kini, bangunan pencakar langit dibina di Pulau Mutiara ini menandakan kepesatan ekonominya. Satu lagi bukti warisan budaya pelbagai kaum di George Town ialah berselebraknya binaan rumah ibadat seperti gereja, kuil dan masjid sekitar bandar ini.

Begitu juga dengan makanan popular di George Town seperti rojak pasembor yang begitu dikenali pengunjung terletak di Persiaran Gurney.

Destinasi paling men di Malaysia


» **Tarikan buat
pengembara** meminati seni,
budaya serta alam **BH**
semula jadi 24/1/2016
M/S10-11

Susunan Zubir
Mohd Yunus
zubir_yunus@bh.com.my

Malaysia adalah sebuah negara kaya dengan warisan dan budaya merangkumi cita rasa Asia yang dipengaruhi kehidupan masyarakat Eropah. Justeru, destinasi ini menawarkan pelbagai

tarikan yang tidak terhitung kepada pengembara yang mencintai nilai seni dan budaya. Disenaraikan destinasi di Malaysia yang kaya nilai budaya dan pemandangan alam semula jadi sehingga menjadi lokasi wajib kunjung kepada pelancong mahupun pengembara.

Kajian ini dilakukan oleh portal pelancongan, thetripculture.com yang berpangkalan di United Kingdom (UK).





Pasar Seni, Kuala Lumpur

Pasar Seni adalah sebuah gedung berwarna-warni yang menawarkan pelbagai produk kesenian termasuk gerai pameran dan gerai makanan. Ia mula dibina pada tahun 1888 dan selepas menjalani beberapa siri pengubahsuaian, Pasar Seni masih tersergam indah di tengah pusat kota kosmopolitan, namun tetap memelihara reka bentuk asal bangunannya.

Pelancong asing yang bertandang ke Kuala Lumpur menjadikan Pasar Seni sebagai destinasi pelancongan yang wajib dikunjungi kerana ia menampilkan pelbagai pameran kebudayaan Malaysia seperti warisan dan seni kraf. Deretan gerai dikumpulkan dalam satu lorong ber-

dasarkan kaum etnik utama di Malaysia seperti Melayu, Cina dan India.

Selain itu, pengembara berpeluang membeli ole-ole yang bermotifkan budaya dan warisan Malaysia menerusi seni kraf buatan tangan daripada pakaian sehingga ke ukiran kayu, barangan kemas dan pelbagai pilihan jenis fabrik batik. Beraneka kedai cendera mata dan gerai jalanan turut menawarkan pelbagai pilihan barangan dengan harga mampu milik.


Satu ruangan yang dikenali sebagai *annexe* adalah galeri seni yang mempamerkan hasil kerja artis tempatan, selain Katsuri Walk, laluan pejalan kaki tertutup di luar bangunan yang menyediakan gerai makanan yang pasti memenuhi selera pengunjung.

Menara Berkembar PETRONAS

Dalam sebuah negara dengan keindahan landskap semula jadi, Menara Berkembar PETRONAS di Kuala Lumpur adalah bukti keunggulan rekaan seni bina moden di Malaysia.

Mana-mana pelancong yang berkunjung ke Kuala Lumpur patut menjejak kaki ke menara ini. Direka oleh arkitek dari Amerika, Cesar Pelli dan siap sepenuhnya pada tahun 1999, menara ini diiklir sebagai bangunan tertinggi di dunia sehingga tahun 2004. Sehingga hari ini masih kekal sebagai bangunan berkembar tertinggi di dunia.

Menara Berkembar ini setinggi 450 meter mempunyai 88 tingkat dengan jambatan dua tingkat yang menjadi penghubung antara dua menara di tingkat 41 dan 42. Menerusi jambatan menara pada ketinggian 170 meter, pelawat boleh melihat pemandangan Kuala Lumpur.



Rojak sotong kangkung pula dimonopoli oleh orang Cina, manakala India Muslim mendominasi perniagaan nasi kandar hampir di setiap ceruk George Town. Beraneka makanan daripada pelbagai kaum etnik ini juga membuktikan, Pulau Pinang kaya dengan nilai budaya dan warisannya.

Pemandangan indah di Pantai Batu Feringgi menyediakan deretan hotel mewah dan rumah tumpangan di sepanjang pesisir pantainya, sekali gus menggamit kehadiran pelancong asing mahupun domestik.

marik

A Famosa, Melaka

A Famosa bermaksud orang Portugis yang terkenal, sebuah kubu bersejarah ditemui di Melaka Bandar Raya Bersejarah. A Famosa dibina pada awal tahun 1500 dan berkembang pesat pada abad itu. Hari ini A Famosa menjadi perhatian pelancong seluruh dunia untuk melihat tinggalan kubu yang mempunyai empat pondok pengawal di pintu masuk.

Berdasarkan fakta sejarah, A Famosa suatu ketika dulu adalah lambang kemasyuran kota Melaka. Kubu berkenaan dibina orang Portugis, kemudian jatuh ke tangan Belanda dan akhirnya menjadi milik British, sekali gus orang Eropah menjajah kota Melaka. Bandar Melaka menawarkan pemandangan mempesona seperti Stadthuys iaitu kediaman gabenor Belanda pada abad ke-17 dan Jonker Street yang popular dengan deretan kedai makan.



Cameron Highlands, Pahang

Dengan ketinggian 1,500 meter dari paras laut, Cameron Highlands dinamakan bersempena William Cameron iaitu juru ukur British yang menjumpai tanah tinggi yang dipenuhi rimbunan pokok hijau pada tahun 1885. Kawasan tanah tinggi ini menempatkan ladang penanaman teh terbesar di Malaysia, sekali gus berupaya menarik kehadiran ramai pelancong ke tempat ini.

Pun begitu, kecantikan dan populariti Cameron Highlands sebenarnya disebabkan iklimnya yang nyaman. Suhu di tanah tinggi ini paling rendah ialah 10 darjah celsius dan paling tinggi sekitar 21 darjah celsius, sekali gus menjadi destinasi pelancongan yang sangat terkenal dalam kalangan pelancong asing untuk bersantai menerusi iklim tropika Malaysia.





Pulau Langkawi, Kedah



Langkawi ialah pulau utama daripada sekumpulan 99 pulau kecil yang terletak di utara Semenanjung. Ada pendapat mengatakan Pulau Langkawi sering kali terlepas pandang oleh pelancong Barat apabila mereka lebih mengenali pulau yang terdapat di Thailand, selain Singapura.

Namun, Langkawi sebenarnya menawarkan pemandangan pantai yang mengagumkan, pasir putih yang halus, air laut jernih, selain pantai paya bakaunya. Kawasan pedalaman Langkawi pula menyajikan hutan tebal tropika dengan tumbuhan

rimbun, sangat kaya dalam fauna, sekali gus bakal menarik perhatian pencinta alam yang mencari hutan hujan yang masih 'dara'.

Legenda di Langkawi yang menjadi perhatian ialah kisah Mashuri dan kuburnya yang masih ada di situ. Mashuri ialah kisah mitos mengenai seorang gadis yang difitnah dan dituduh berzina serta dijatuhi hukuman yang tidak adil. Sebelum Mashuri mati dengan darah putih yang mengalir daripada tubuhnya, beliau bersumpah, penduduk Langkawi tidak akan hidup aman selama tujuh keturunannya. Kini, sumpahan itu sudah pun berakhir.



Pulau Perhentian, Terengganu

Pencinta laut yang merancang untuk melawat Malaysia atau bercadang hendak ke Terengganu, patut menyenaraikan Pulau Perhentian sebagai destinasi yang mesti dikunjungi. Pulau kecil ini terbahagi kepada dua, Pulau Perhentian Besar dan Pulau Perhentian Kecil. Kedua-dua pulau ini mempunyai pantai dengan pasir gebu memutih, airnya yang membiru, cetek dan boleh bersantai di bawah bayang rimbunan pokok.

Pulau ini bukan sahaja untuk mereka yang mahu berenang sahaja, tetapi juga aktiviti air seperti kenu, selam skuba dan snorkeling. Bahkan di dasar pulau ini terdapat bunga karang dan hidupan laut seperti kura-kura dan ikan tropika.

